KEMENTERIAN DIGITAL

GARIS PANDUAN
PERLINDUNGAN DATA PERIBADI

PENILAIAN IMPAK PERLINDUNGAN DATA (DPIA)

Versi 1.0
Tarikh Terbitan: 30 April 2026

JABATAN PERLINDUNGAN DATA PERIBADI

Alamat:

JABATAN PERLINDUNGAN DATA PERIBADI
Aras 8, Galeria PjH, Jalan P4W, Persiaran Perdana
Presint 4, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62100 Putrajaya, Malaysia

ISI KANDUNGAN

BAHAGIAN A: PENGENALAN

1. Latar Belakang

1.1 Seksyen 12A Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 ("**Akta 709**") memperuntukkan keperluan kepada kedua-dua pengawal data dan pemproses data untuk melantik seorang atau lebih Pegawai Perlindungan Data ("**DPO**") bagi menyelia pematuhan mereka terhadap Akta 709.

1.2 Selaras dengan Pekeliling Pesuruhjaya Perlindungan Data Bil. 1/2025 (Pelantikan Pegawai Perlindungan Data) dan Garis Panduan Pelantikan Pegawai Perlindungan Data, salah satu tanggungjawab utama DPO adalah untuk memberikan sokongan dan nasihat mengenai pelaksanaan Penilaian Impak Perlindungan Data ("**DPIA**").

1.3 Garis Panduan DPIA ("**Garis Panduan**") ini menyediakan panduan praktikal berkaitan pelaksanaan DPIA. Melalui proses ini, organisasi dapat mengenal pasti dan mengurus risiko yang berkaitan dengan aktiviti pemprosesan data peribadi secara sistematik bagi memastikan aktiviti tersebut mematuhi keperluan Akta 709.

1.4 Sila ambil perhatian bahawa contoh-contoh yang disediakan dalam Garis Panduan ini tidak bersifat menyeluruh dan hanya disertakan bagi tujuan konteks dan ilustrasi sahaja.

1.5 Garis Panduan ini melengkapi dan hendaklah dibaca bersama dengan Akta 709 dan mana-mana instrumen perundangan lain yang dikeluarkan di bawah Akta 709, sebagaimana yang mungkin dipinda dari semasa ke semasa. Garis Panduan ini tidak boleh dianggap sebagai mengatasi mana-mana undang-undang atau peraturan lain berkaitan perlindungan data peribadi yang berkuat kuasa.

2. Peruntukan Undang-Undang

2.1 Garis Panduan ini dikeluarkan oleh Pesuruhjaya Perlindungan Data ("Pesuruhjaya") selaras dengan fungsi Pesuruhjaya di bawah subseksyen 48(g) Akta 709. Selaras dengan subperenggan 5(1)(d) Pekeliling Pesuruhjaya Perlindungan Data Bil. 1/2025 (Pelantikan Pegawai Perlindungan Data), Pesuruhjaya melalui Garis Panduan ini menggariskan keperluan-keperluan berhubung dengan pelaksanaan DPIA.

3. Tafsiran

3.1 Melainkan jika ditakrifkan sebaliknya dalam Garis Panduan ini, istilah dan ungkapan yang digunakan dalam Garis Panduan ini hendaklah mempunyai makna yang sama sebagaimana yang ditetapkan di bawah Akta 709 dan mana-mana instrumen perundangan berkaitan yang dikeluarkan di bawah Akta 709.

BAHAGIAN B: PRA-DPIA

4. Apakah itu DPIA

4.1 DPIA ialah suatu penilaian impak operasi pemprosesan yang dirancang terhadap perlindungan data peribadi. Ia melibatkan aktiviti mengenal pasti, menilai dan mengurus risiko perlindungan data peribadi berdasarkan fungsi, keperluan serta proses sesebuah organisasi.

4.2 Pada dasarnya, DPIA merupakan suatu proses yang direka bentuk untuk menganalisis dan mengurangkan (mitigasi) risiko berkaitan perlindungan data peribadi.

5. Mengapa Melaksanakan DPIA

5.1 DPIA berfungsi sebagai mekanisme penting bagi membantu organisasi mengenal pasti risiko berkaitan operasi pemprosesan. Ia membolehkan organisasi menilai sama ada risiko tersebut boleh diterima setelah mengambil kira tujuan serta sifat operasi pemprosesan tersebut. Dengan mengenal pasti risiko di peringkat awal, organisasi dapat menentukan dan melaksanakan langkah rawatan risiko yang sewajarnya, termasuk tindakan pencegahan dan mitigasi. Pendekatan proaktif ini memastikan pengurusan risiko yang berkesan serta pematuhan terhadap Akta 709.

5.2 Pelaksanaan DPIA membantu organisasi memenuhi keperluan kecukupan *(adequacy)* yang wujud dalam landskap perlindungan data peribadi di peringkat antarabangsa. Sebagai contoh, Kesatuan Eropah, United Kingdom, Indonesia, Filipina dan Korea Selatan telah menjadikan DPIA sebagai satu obligasi undang-undang mandatori dalam keadaan tertentu. DPIA juga disyorkan secara nyata sebagai amalan terbaik di pelbagai bidang kuasa lain termasuk Singapura, Jepun, Australia dan New Zealand.

5.3 Pelaksanaan DPIA memperkukuh tahap akauntabiliti dan ketelusan sesebuah organisasi. Dengan membuktikan komitmen untuk melindungi data peribadi, organisasi dapat meningkatkan keyakinan dan kepercayaan orang awam terhadap aktiviti pemprosesan data.

6. Siapa Yang Bertanggungjawab Melaksanakan DPIA

6.1 Obligasi untuk melaksanakan DPIA terletak pada pengawal data. Ini adalah kerana mengikut takrifan, pemproses data tidak memproses data peribadi bagi maksudnya sendiri. Pengawal data hendaklah bertanggungjawab dalam membuat keputusan sama ada untuk meneruskan sesuatu operasi pemprosesan dan mesti memastikan semua risiko ditangani.

6.2 Walau bagaimanapun, pemproses data yang terlibat dalam operasi pemprosesan diharapkan untuk memberikan semua bantuan yang munasabah dan perlu kepada pengawal data dalam melaksanakan DPIA. Pengawal data hendaklah memperkukuhkan jangkaan ini melalui klausa kontrak yang jelas atau kaedah lain yang bersesuaian.

Kewajipan Pelaksanaan DPIA

6.3 Tanggungjawab mutlak bagi pelaksanaan DPIA dan sebarang keputusan berkaitan dengannya adalah terletak pada pengurusan kanan pengawal data.

DPO lwn Ketua Pelaksana DPIA

6.4 Salah satu tanggungjawab utama DPO adalah untuk menyokong pelaksanaan DPIA. Dalam hal ini, DPO hendaklah memberikan sokongan yang berikut:

(a) mengenalpasti sama ada DPIA perlu dilaksanakan;

(b) memberi khidmat nasihat berhubung dengan pelaksanaan DPIA serta langkah mitigasi risiko; dan

(c) membangunkan templat atau senarai semak DPIA yang disesuaikan untuk pengawal data.

6.5 DPO tidak semestinya merupakan individu yang mengetuai pelaksanaan DPIA. Ketua Pelaksana DPIA boleh terdiri daripada DPO, pengurus projek atau mana-mana kakitangan lain yang difikirkan sesuai oleh pengawal data ("**Ketua Pelaksana DPIA**").

6.6 Ketua Pelaksana DPIA merupakan kakitangan utama yang bertanggungjawab untuk merancang dan melaksanakan DPIA. Ini termasuk berunding dan mengumpul input daripada pihak berkepentingan yang berkaitan perihal operasi pemprosesan, risiko atau cabaran yang dikenal pasti, penyelesaian rawatan risiko dan langkah mitigasi yang sewajarnya untuk menangani risiko tersebut.

Penglibatan pemegang taruh

6.7 Bagi memastikan DPIA adalah komprehensif dan berkesan, ia hendaklah melibatkan semua pemegang taruh yang berkaitan daripada pelbagai fungsi dalam organisasi yang berkaitan dengan operasi pemprosesan. Ini termasuk, tetapi tidak terhad kepada:

(a) Pengurus Projek;

(b) Bahagian Teknologi Maklumat;

(c) Bahagian Undang-Undang;

(d) mana-mana pakar bidang subjek yang lain;

(e) pemproses data; dan

(f) pihak ketiga yang berkaitan seperti yang ditakrifkan di bawah Akta 709.

6.8 Semua pemegang taruh yang relevan diharapkan dapat membantu DPO serta Ketua Pelaksana DPIA dengan memberikan input yang sewajarnya dalam melengkapkan DPIA.

7. Bilakah Perlu Melaksanakan DPIA

7.1 Pengawal data hendaklah melaksanakan DPIA jika pengawal data tersebut menjangkakan bahawa sesebuah operasi pemprosesan berkemungkinan mengakibatkan risiko tinggi terhadap perlindungan data peribadi kepada subjek data.

7.2 Dalam hal ini, pengawal data dikehendaki menggunakan pendekatan dua (2) peringkat bagi menentukan tahap risiko dan menilai sama ada DPIA diperlukan:

(a) Peringkat Pertama: Pengawal data hendaklah menentukan sama ada **ambang kuantitatif** (seperti yang dijelaskan dalam perenggan 7.5) dipenuhi. Jika ambang kuantitatif dipenuhi, DPIA hendaklah dilaksanakan.

(b) Peringkat Kedua: Jika ambang kuantitatif tidak dipenuhi, DPO hendaklah melaksanakan pertimbangan terbaik dalam menilai **faktor-faktor kualitatif** (seperti yang dijelaskan dalam perenggan 7.6) untuk menentukan sama ada DPIA diperlukan.

7.3 Garis Panduan ini tidak mengurangkan keperluan yang ditetapkan di bawah mana-mana instrumen undang-undang atau pengawalseliaan berkenaan keadaan di mana DPIA perlu dilaksanakan. Sekiranya terdapat obligasi yang mengatasi instrumen-instrumen tersebut, keperluan yang lebih luas hendaklah terpakai.

7.4 Dalam sebarang situasi di mana keperluan untuk melaksanakan DPIA tidak jelas, adalah wajar bagi pengawal data untuk melaksanakan DPIA sebagai amalan terbaik, memandangkan DPIA merupakan alat yang berguna untuk membina kepercayaan dengan subjek data, mengurus risiko perlindungan data peribadi dan memudahkan pematuhan terhadap Akta 709.

Ambang Kuantitatif

7.5 Situasi pemprosesan berikut dianggap berkemungkinan mengakibatkan risiko yang tinggi terhadap perlindungan data peribadi kepada subjek data, sekali gus mencetuskan keperluan pelaksanaan DPIA:

(a) pemprosesan data peribadi yang dijangka melibatkan lebih daripada 20,000 subjek data; atau

(b) pemprosesan data peribadi sensitif, termasuk data maklumat kewangan, yang dijangka melibatkan lebih daripada 10,000 subjek data.

(secara kolektif, "**Ambang Kuantitatif**").

Faktor-faktor Kualitatif

7.6 Jika pemprosesan tersebut tidak memenuhi mana-mana Ambang Kuantitatif, DPO hendaklah menggunakan pertimbangan terbaik dalam menilai faktor kualitatif lain yang berkemungkinan mengakibatkan risiko tinggi terhadap perlindungan data peribadi subjek data, sehingga memerlukan pelaksanaan DPIA. Adalah ditegaskan bahawa faktor kualitatif ini adalah tidak menyeluruh mahupun ekslusif dan dan termasuk tetapi tidak terhad kepada perkara berikut:

(a) Potensi kesan undang-undang atau kesan signifikan terhadap subjek data (contoh: impak yang ketara terhadap status atau hak undang-undang, status kewangan, kesihatan, reputasi, akses kepada perkhidmatan atau peluang ekonomi atau sosial subjek data);

Contoh:

(1) Contoh 1: Pemprosesan data peribadi sensitif yang boleh memberi kesan signifikan kepada akses insurans subjek data

Situasi: Sebuah syarikat insurans mengumpul dan memproses maklumat kesihatan seperti sejarah perubatan atau data yang diperoleh daripada aplikasi penjejakan kecergasan bagi menentukan kelayakan insurans subjek data, menetapkan kadar premium atau meluluskan perlindungan.

Mengapa DPIA diperlukan: Pengawal data hendaklah melaksanakan DPIA kerana pemprosesan tersebut melibatkan data peribadi sensitif dan pembuatan keputusan secara automatik yang memberi kesan signifikan kepada akses subjek data terhadap perlindungan insurans.

(2) Contoh 2: Pemprosesan data kewangan peribadi yang mungkin menjejaskan akses subjek data kepada kemudahan pinjaman secara signifikan

Situasi: Sebuah institusi kewangan menggunakan sistem pemarkahan kredit automatik untuk menilai permohonan pinjaman atau kredit. Sistem tersebut meluluskan atau menolak permohonan secara automatik tanpa semakan manusia, yang mengakibatkan impak serta merta terhadap skor kredit, kedudukan kewangan dan akses subjek data kepada perkhidmatan kewangan.

Mengapa DPIA diperlukan: Pemprosesan tersebut melibatkan pembuatan keputusan secara automatik berdasarkan data peribadi dan kewangan, yang mungkin memberi kesan langsung dan signifikan kepada hak dan peluang ekonomi subjek data. Oleh itu, pengawal data hendaklah melaksanakan DPIA.

(b) pemantauan sistematik terhadap subjek data;

Contoh:

(1) Contoh 1: Pemantauan sistematik terhadap individu dalam tetapan komersial

Situasi: Sebuah rantaian peruncitan menggunakan teknologi pengecaman wajah di kesemua kedainya untuk mengenal pasti pelanggan berulang yang berdaftar dalam program kesetiaannya. Apabila subjek data memasuki sebuah kedai, sistem tersebut, secara automatik memadankan imej wajah subjek data dengan rekod yang disimpan untuk menyediakan diskaun diperibadikan berdasarkan sejarah pembelian.

Mengapa DPIA diperlukan: Walaupun tujuan pemprosesan adalah untuk meningkatkan pengalaman pelanggan dan kecekapan pemasaran, pemprosesan ini melibatkan pemantauan sistematik terhadap subjek data dalam persekitaran komersial dan penggunaan data biometrik (ciri wajah) untuk pengecaman. Pemprosesan sedemikian berkemungkinan menimbulkan risiko tinggi seperti salah pengecaman, pemprofilan atau pencerobohan privasi subjek data. Oleh itu, sebelum pelaksanaan teknologi pengecaman wajah, pengawal data hendaklah melaksanakan DPIA.

(2) **Contoh 2: Penjejakan berterusan terhadap lokasi dan tingkah laku subjek data berhubung dengan transaksi komersial**

Situasi: Sebuah syarikat penghantaran makanan menawarkan satu ciri kesetiaan dalam aplikasi yang menjejaki data geolokasi subjek data apabila aplikasi dibuka atau pesanan dibuat. Sistem tersebut merekodkan alamat penghantaran, penjual makanan yang kerap dikunjungi, tempoh masa yang diluangkan dalam aplikasi dan tingkah laku melayari aplikasi. Sistem ini memadankan maklumat tersebut dengan rekod pembelian terdahulu bagi mengenal pasti pola tingkah laku seperti tabiat berbelanja, waktu makan dan

penjualan makanan pilihan. Syarikat menggunakan dapatan ini untuk menyampaikan iklan bersasar dan promosi berdasarkan lokasi, sekaligus mempengaruhi keputusan pembelian dan hasil pemasaran subjek data.

Mengapa DPIA diperlukan: Pemprosesan tersebut melibatkan penjejakan berterusan terhadap lokasi dan tingkah laku subjek data yang berkaitan dengan transaksi komersial. Aktiviti pemantauan sistematik dan pemprofilan sedemikian berkemungkinan mendatangkan risiko yang tinggi terhadap perlindungan data peribadi. Oleh itu, pengawal data hendaklah melaksanakan DPIA.

(c) penggunaan teknologi inovatif, iaitu teknologi yang melibatkan produk (barangan atau perkhidmatan) baharu atau ditambah baik secara signifikan, proses baharu, kaedah pemasaran baharu, kaedah organisasi baharu dalam amalan perniagaan atau organisasi tempat kerja atau hubungan luar yang baharu;

Contoh:

(1) Contoh 1: Penambahbaikan Proses Perniagaan melalui Teknologi Inovatif

Situasi: Sebuah institusi kewangan mengendalikan aplikasi perbankan mudah alih yang membolehkan pelanggan melakukan transaksi komersial seperti pindahan dana, bayaran bil dan pembelian dalam talian menggunakan pengesahan biometrik cap jari. Pengawal data kemudiannya memutuskan untuk menambah baik proses ini dengan menyepadukan ciri-ciri pengesahan biometrik berpacukan Kecerdasan Buatan (AI) seperti pengecaman wajah untuk memberikan lapisan keselamatan tambahan.

Mengapa DPIA diperlukan: Pemprosesan ini melibatkan penggunaan teknologi yang baharu kepada organisasi. Perubahan ini berkemungkinan menimbulkan risiko yang signifikan terhadap privasi subjek data. Peralihan kepada pengecaman wajah meningkatkan jumlah dan kerumitan data peribadi sensitif yang diproses. Oleh yang demikian, pengawal data hendaklah melaksanakan DPIA.

(2) Contoh 2: Teknologi Inovatif dalam Amalan di Tempat Kerja

Situasi: Sebuah organisasi pada masa ini menggunakan kaedah manual untuk memantau prestasi pekerja. Pengawal data telah memutuskan untuk mengguna pakai sistem Kecerdasan Buatan (AI) bagi mengautomasikan pemantauan

prestasi. Sistem AI tersebut menjana skor prestasi dan ringkasan tingkah laku, yang kemudiannya digunakan sebagai asas utama bagi keputusan berkaitan kenaikan pangkat, ganjaran atau tindakan tatatertib.

Mengapa DPIA diperlukan: Pemprosesan ini melibatkan pelaksanaan teknologi yang baharu dalam persekitaran operasi organisasi. Peralihan kepada pemantauan automatik berkemungkinan memberi kesan yang signifikan kepada hak pekerjaan, reputasi profesional dan privasi subjek data. Oleh yang demikian, pengawal data hendaklah melaksanakan DPIA.

(d) penafian atau sekatan terhadap hak subjek data;

Contoh:

(1) Contoh 1: Penafian atau sekatan akses kepada perkhidmatan

Situasi: Sebuah penyedia perkhidmatan e-panggilan mewajibkan subjek data untuk memberikan persetujuan bagi penjejakan tingkah laku yang berterusan seperti pemantauan lokasi masa nyata, corak perjalanan dan interaksi dalam aplikasi, sebagai syarat mandatori untuk mengakses perkhidmatannya. Subjek data yang enggan memberikan persetujuan mungkin dinafikan akses kepada perkhidmatan tersebut sepenuhnya (sebagai contoh, tidak dapat menempah perjalanan) atau mungkin menghadapi sekatan tertentu (seperti tidak layak untuk mendapat diskaun atau tawaran promosi).

Mengapa DPIA diperlukan: Amalan ini melibatkan penafian atau sekatan terhadap hak subjek data, terutamanya kebebasan untuk menahan atau menarik balik persetujuan tanpa sebarang kerugian. Oleh yang demikian, pengawal data hendaklah melaksanakan DPIA.

(2) Contoh 2: Sekatan sistematik daripada melaksanakan hak akses

Situasi: Sebuah syarikat e-dagang membolehkan subjek data membuat pembelian melalui aplikasi mudah alihnya. Walau bagaimanapun, apabila subjek data meminta akses kepada data peribadinya, seperti sejarah pembelian atau butiran akaun, aplikasi tersebut tidak menyediakan mekanisme langsung untuk mengemukakan permintaan tersebut. Sebaliknya, subjek data diarahkan ke alamat e-mel luaran atau nombor telefon untuk menyerahkan permintaan itu.

Mengapa DPIA diperlukan: Amalan ini mewujudkan halangan pentadbiran yang menghalang subjek data daripada melaksanakan haknya untuk mengakses data peribadi. Memandangkan ini melibatkan sekatan sistemik terhadap hak subjek data, pengawal data hendaklah melaksanakan DPIA.

(e) penjejakan lokasi atau tingkah laku subjek data;

Contoh:

(1) Contoh 1: Penjejakan berterusan melalui aplikasi runcit

Situasi: Sebuah syarikat peruncitan menggunakan aplikasi mudah alih untuk menjejak lokasi geografi subjek data secara berterusan, laluan pergerakan dalam kedai dan tempoh masa di ruangan tertentu. Data peribadi tersebut digunakan untuk menganalisis tingkah laku subjek data, mengoptimumkan susun atur kedai dan menyampaikan iklan bersasar atau promosi berdasarkan pola pergerakan masa nyata.

Mengapa DPIA diperlukan: Memandangkan pemprosesan ini melibatkan penjejakan yang berkala dan sistematik terhadap lokasi serta tingkah laku subjek data, pengawal data hendaklah melaksanakan DPIA.

(2) Contoh 2: Analitik laluan-klik dalam talian (*Online Click-path Analytics*)

Situasi: Sebuah platform e-dagang menjejak tingkah laku dalam talian subjek data seperti sejarah pelayaran, klik, masa yang diluangkan pada halaman dan aktiviti pembelian bagi meramal niat pembelian, memperibadikan harga jualan serta menyampaikan iklan bersasar.

Mengapa DPIA diperlukan: Pemprosesan ini melibatkan pemantauan tingkah laku subjek data secara sistematik dan berterusan untuk tujuan komersial dan pemprofilan. Pemprosesan ini berkemungkinan memberi kesan signifikan terhadap hak subjek data. Oleh itu, pengawal data hendaklah melaksanakan DPIA.

(f) penyasaran terhadap kanak-kanak atau individu rentan; dan

Contoh:

Pemprosesan data peribadi kanak-kanak bagi tujuan pengiklanan

Situasi: Sebuah institusi pendidikan melalui platform teknologinya, mengumpul data peribadi kanak-kanak dan berniat untuk menyiarkan iklan di dalam platform tersebut.

Mengapa DPIA diperlukan: Pemprosesan ini melibatkan data peribadi kanak-kanak dan aktiviti pemprofilan, terutamanya bagi tujuan pengiklanan. Ini menimbulkan risiko terhadap perlindungan hak kanak-kanak dan potensi penyasaran komersial terhadap golongan bawah umur. Oleh yang demikian, pengawal data hendaklah melaksanakan DPIA.

(g) pembuatan keputusan secara automatik dan pemprofilan yang menimbulkan risiko yang tinggi terhadap subjek data.

(secara kolektif, "**Faktor-Faktor Kualitatif**").

7.7 DPO hendaklah menggunakan pertimbangan yang terbaik dalam menilai faktor-faktor kualitatif, yang mungkin termasuk faktor yang tidak dinyatakan secara nyata di atas, bagi menentukan sama ada suatu operasi pemprosesan berkemungkinan mengakibatkan risiko yang tinggi terhadap perlindungan data peribadi kepada subjek data.

Illustrasi: Menentukan Keperluan untuk Melaksanakan DPIA

(i) Sebuah organisasi berhasrat untuk menyimpan data peribadi pelanggannya dengan penyedia perkhidmatan awan *(cloud service provider)* luar. Cadangan penyimpanan sedemikian merupakan suatu operasi pemprosesan.

Ambang Kuantitatif

(ii) Pengawal data sesebuah organisasi, dengan berunding bersama DPO, hendaklah terlebih dahulu mempertimbangkan sama ada operasi pemprosesan memenuhi Ambang Kuantitatif (iaitu sama ada pemprosesan berkemungkinan mengakibatkan risiko yang tinggi terhadap perlindungan data peribadi subjek data), dengan mengemukakan soalan berikut:

a) Adakah operasi pemprosesan tersebut dijangka melibatkan lebih daripada 20,000 subjek data?

b) Adakah operasi pemprosesan data peribadi sensitif tersebut termasuk maklumat kewangan, dijangka melibatkan lebih daripada 10,000 subjek data?

Jika mana-mana jawapan di atas adalah '**Ya**', Ketua Pelaksana DPIA hendaklah melaksanakan DPIA terhadap operasi pemprosesan tersebut.

(iii) Jika **kedua-dua** jawapan di atas adalah '**Tidak**', DPO setelah berunding dengan Ketua Pelaksana DPIA, hendaklah melaksanakan pertimbangan terbaik dalam menilai **Faktor-Faktor Kualitatif** bagi menentukan sama ada operasi pemprosesan berkemungkinan mengakibatkan risiko yang tinggi terhadap perlindungan data peribadi kepada subjek data.

Faktor-Faktor Kualitatif

(iv) Faktor-faktor Kualitatif yang relevan mungkin termasuk, sebagai contoh:

a) jenis data peribadi yang terlibat (contoh: sama ada pemprosesan tersebut berpotensi membawa kesan undang-undang atau kesan signifikan terhadap subjek data); dan

b) lokasi penyedia perkhidmatan awan (contoh: jika penyedia perkhidmatan terletak di luar Malaysia, sama ada tempat tersebut mempunyai undang-undang perlindungan data yang setara dengan Akta 709 bagi melindungi data peribadi).

(v) Jika pada pertimbangan terbaik DPO, operasi pemprosesan tersebut berkemungkinan mengakibatkan risiko yang tinggi terhadap perlindungan data peribadi kepada subjek data, Ketua Pelaksana DPIA hendaklah melaksanakan DPIA.

(vi) Jika DPO berpendapat bahawa operasi pemprosesan tersebut tidak berkemungkinan mengakibatkan risiko yang tinggi terhadap perlindungan data

peribadi kepada subjek data, DPO boleh memberi nasihat agar DPIA dilaksanakan sebagai suatu amalan terbaik.

BAHAGIAN C: PELAKSANAAN DPIA

8. Cara Melaksanakan DPIA

8.1 Pengawal data diharapkan untuk menerima pakai pendekatan lima langkah iaitu Perihal *(Describe)*, Nilai *(Evaluate)*, Kenal pasti *(Identify)*, Pertimbang *(Consider)* dan Taksir *(Assess)* atau lebih dikenali dengan singkatannya DEICA ("DEICA"), bagi menganalisis sesuatu operasi pemprosesan berkaitan dengan tujuan, risiko spesifik dan langkah-langkah yang akan diambil:

(a) **Langkah 1: *Describe*** – Perihalkan operasi pemprosesan (termasuk takat penglibatan data peribadi dan aliran data) serta tujuan pemprosesan tersebut;

Penerangan:

Langkah ini melibatkan penjelasan mengenai pemprosesan berdasarkan aspek-aspek berikut:

(i) **Sifat:** Apa yang dirancang terhadap data peribadi. (Contoh: bagaimana data peribadi akan dikumpul, disimpan, digunakan, diakses dan dizahirkan kepada pihak-pihak yang berkaitan);

(ii) **Skop:** Apa yang dirangkumi oleh pemprosesan. (Contoh: jumlah dan kepelbagaian data peribadi, takat, kekerapan dan tempoh pemprosesan, bilangan subjek data yang terlibat, kawasan geografi yang diliputi serta sama ada terdapat pemindahan rentas sempadan);

(iii) **Konteks:** Gambaran yang lebih luas yang mungkin menjejaskan jangkaan dan impak. (Contoh: sifat hubungan organisasi dengan subjek data dan sebarang isu awam semasa yang menjadi kepentingan awam); dan

(iv) **Tujuan:** Sebab organisasi ingin memproses data peribadi yang mungkin merangkumi hasil yang disasarkan untuk subjek data serta manfaat yang dijangkakan bagi organisasi tersebut.

(b) **Langkah 2: *Evaluate*** – Nilai pematuhan, keperluan dan kekadaran (*proportionality*) operasi pemprosesan berhubung dengan maksud pemprosesannya;

Penerangan

Langkah ini melibatkan pertimbangan terhadap:

(i) sama ada perancangan organisasi benar-benar membantu mencapai maksud yang diniatkan; dan

(ii) sama ada terdapat cara lain yang munasabah untuk mencapai hasil yang sama tanpa melibatkan pemprosesan yang dicadangkan atau dengan takat pemprosesan yang lebih terhad (contoh: menentukan sama ada pemindahan rentas sempadan benar-benar diperlukan dalam operasi pemprosesan bagi mencapai maksud yang diniatkan).

(c) **Langkah 3: *Identify*** – Kenal pasti dan analisis risiko spesifik terhadap perlindungan data peribadi subjek data;

Penerangan:

Langkah ini melibatkan pertimbangan terhadap risiko pelanggaran mana-mana Prinsip-Prinsip Perlindungan Data Peribadi atau keperluan lain di bawah **Akta 709**, serta potensi impak terhadap subjek data dan sebarang kemudaratan yang mungkin disebabkan oleh pemprosesan tersebut, contohnya:

(i) risiko keselamatan (termasuk punca risiko dan potensi impak bagi setiap jenis pelanggaran);
(ii) ketidakupayaan untuk melaksanakan hak subjek data;
(iii) kehilangan kawalan terhadap penggunaan data peribadi;
(iv) kecurian identiti atau penipuan;
(v) kerugian kewangan;
(vi) kecederaan fizikal;
(vii) kehilangan kerahsiaan; dan
(viii) undang-undang privasi dan perlindungan data yang tidak mencukupi di negara di mana data peribadi tersebut dipindahkan.

Analisis risiko spesifik yang dikenal pasti hendaklah mempertimbangkan kedua-dua aspek **Kebarangkalian (*Likelihood*)** dan **Impak *(Impact)*** daripada kemudaratan yang mungkin berlaku. Sebuah Matriks Risiko 3 x 3 (seperti di bawah) digunakan untuk menentukan tahap risiko bagi setiap risiko spesifik. Skor risiko diperoleh dengan mendarabkan skor Kebarangkalian dengan skor Impak.

1. Matriks Risiko (3 x 3)

Jadual di bawah merupakan contoh Matriks Risiko 3 x 3 bagi pengiraan tahap risiko. Risiko bagi setiap kemudaratan dikira dengan mendarabkan Kebarangkalian dengan Impak daripada kemudaratan yang mungkin berlaku.

Matriks Risiko		**Kebarangkalian**		
		Rendah (1)	**Sederhana (2)**	**Tinggi (3)**
Impak	**Tinggi (3)**	Sederhana (3)	Tinggi (6)	Tinggi (9)
	Sederhana (2)	Rendah (2)	Sederhana (4)	Tinggi (6)
	Rendah (1)	Rendah (1)	Rendah (2)	Sederhana (3)

2. Takrifan Kriteria

a) Kebarangkalian (*Likelihood*)

Kebarangkalian (*Likelihood*) menilai probabiliti atau peluang berlakunya sesuatu peristiwa risiko (contoh: pelanggaran data, penzahiran secara tidak sengaja, akses tanpa kebenaran atau kehilangan data peribadi) dalam tempoh masa atau konteks operasi tertentu.

Kebarangkalian	**Kriteria**
Rendah (1)	Peristiwa tidak mungkin berlaku atau mempunyai peluang yang amat tipis untuk berlaku. Kawalan atau sistem sedia ada telah

	dilaksanakan dan memadai untuk melindungi subjek data.
Sederhana (2)	Peristiwa berkemungkinan berlaku atau diketahui pernah berlaku dalam industri tertentu. Kawalan atau sistem sedia ada telah dilaksanakan tetapi mungkin mempunyai had atau kelemahan.
Tinggi (3)	Peristiwa sangat mungkin berlaku atau pernah berlaku sebelum ini. Kawalan atau sistem mempunyai had atau kelemahan serta mempunyai kerentanan yang signifikan.

b) Impak

Impak merujuk kepada tahap keseriusan potensi kemudaratan terhadap subjek data sekiranya risiko tersebut menjadi kenyataan. Ia memberi tumpuan kepada sama ada pemprosesan tersebut berkemungkinan mengakibatkan risiko tinggi terhadap perlindungan data peribadi bagi subjek data tersebut.

Impak	**Kriteria**
Rendah (1)	Tidak mungkin mengakibatkan risiko material. Data yang terlibat tidak sensitif dan sebarang pelanggaran hanya akan mengakibatkan kesulitan yang minimum tanpa impak signifikan terhadap hak atau kepentingan subjek data.
Sederhana (2)	Berkemungkinan mengakibatkan risiko. Pemprosesan tersebut boleh menyebabkan kemudaratan material tetapi bukan jenis yang kekal (tidak boleh diubah), seperti perasaan malu, kerugian kewangan kecil, tekanan emosi atau kehilangan kawalan data yang terhad.

Tinggi (3)	Berkemungkinan mengakibatkan risiko yang tinggi terhadap perlindungan data peribadi bagi subjek data. Kemudaratan mungkin signifikan atau bersifat kekal, termasuk kerugian kewangan yang besar, kecurian identiti, diskriminasi atau kerosakan reputasi yang teruk.

3. Respons Risiko dan Rawatan Risiko

Skor Risiko	Tahap	Tindakan Yang Diperlukan
1-2	**Rendah**	**Pemantauan –** Risiko adalah terkawal. Pemantauan diteruskan melalui kawalan sedia ada dan prosedur operasi standard.
3-4	**Sederhana**	**Mitigasi –** Memperkukuh langkah-langkah mitigasi. Melaksanakan kawalan teknikal dan/atau organisasi tambahan untuk mengurangkan kebarangkalian atau impak risiko.
6-9	**Tinggi**	**Tindakan Mandatori –** Berkemungkinan mengakibatkan risiko yang tinggi kepada subjek data. DPIA adalah perlu. Langkah-langkah rawatan risiko yang kukuh hendaklah dilaksanakan.

<u>Ilustrasi: Penilaian Risiko bagi Kecurian Identiti</u>

Contoh berikut menunjukkan bagaimana suatu risiko spesifik dikenal pasti dan dianalisis.

Sebagai ilustrasi, jika sesebuah operasi pemprosesan menimbulkan risiko spesifik kecurian identiti, pengawal data hendaklah mempertimbangkan:

(i) **Kebarangkalian** (contohnya, sama ada kecurian identiti pernah berlaku sebelum ini dalam organisasi, dalam kalangan pesaing dalam industri yang sama atau dalam operasi pemprosesan yang serupa);

(ii) **Impak** (contoh: mengambil kira tahap kemudaratan yang mungkin berlaku, berdasarkan jenis data peribadi yang terlibat seperti nombor akaun bank dan profil subjek data);

(iii) **Menentukan tahap risiko** (contoh: jika risiko spesifik kecurian identiti dinilai sebagai "Sederhana" bagi kebarangkalian dan "Tinggi" bagi keseriusan impak, risiko tersebut akan dianggap sebagai "Risiko Tinggi".

Dalam keadaan sedemikian, langkah-langkah mitigasi yang lebih kukuh hendaklah dilaksanakan dalam Langkah 4 (Pertimbang), yang mana kemudiannya mungkin mempengaruhi baki tahap risiko keseluruhan dalam Langkah 5 (Nilai).

(d) **Langkah 4: *Consider*** – Pertimbang langkah-langkah yang perlu diambil untuk menangani risiko spesifik yang dikenal pasti bagi menjamin perlindungan data peribadi; dan

Penerangan:

Langkah ini mungkin melibatkan mana-mana perkara berikut:

(i) tidak mengumpul jenis data tertentu;

(ii) mengurangkan kekerapan pemprosesan atau memendekkan tempoh penyimpanan;

(iii) melaksanakan langkah-langkah keselamatan tambahan;

(iv) menyahnama *(anonymise)* atau menyamarkan *(pseudonymise)* data peribadi tertentu;

(v) menggunakan teknologi yang berbeza;

(vi) memasukkan perlindungan kontraktual tambahan dengan pihak ketiga yang terlibat dalam pemprosesan; dan

(vii) menjalankan Penilaian Impak Pemindahan (TIA) untuk menentukan sama ada pemindahan tersebut dibenarkan di bawah Akta 709 dan/atau negara penerima mempunyai undang-undang perlindungan data dan privasi yang mencukupi.

(e) **Langkah 5: *Assess*** – Taksir baki tahap risiko keseluruhan (contoh: tinggi, sederhana, rendah) bagi operasi pemprosesan tersebut.

Penerangan:

Langkah ini mungkin melibatkan pertimbangan terhadap tahap risiko yang ditetapkan bagi setiap risiko spesifik yang dikenal pasti dan langkah-langkah yang dicadangkan untuk menangani risiko spesifik tersebut, bagi menentukan baki tahap risiko keseluruhan.

8.2 Bagi menggambarkan bagaimana prosedur DEICA boleh diguna pakai, satu (1) Templat DPIA disediakan di **Lampiran A** sebagai rujukan. Templat DPIA yang dicadangkan ini bertujuan sebagai panduan dan penggunaan kandungannya adalah mengikut budi bicara organisasi. Pengawal data boleh menyesuaikan Templat ini mengikut keperluan atau keadaan khusus, membangunkan templat tersendiri (yang disesuaikan daripada Templat ini) atau membangunkan sebarang senarai semak tambahan, selagi ia selaras dengan Garis Panduan ini.

BAHAGIAN D: PASCA-DPIA

9. Laporan kepada Pengurusan Kanan

9.1 Setelah DPIA selesai dilaksanakan, sekiranya baki tahap risiko keseluruhan dinilai sebagai "Tinggi", hasil dapatan tersebut hendaklah dilaporkan kepada pengurusan kanan organisasi. Melainkan ditentukan sebaliknya oleh organisasi, semua risiko, tanpa mengira tahapnya hendaklah juga dilaporkan kepada pengurusan kanan bagi memastikan pihak pengurusan sentiasa dimaklumkan sepenuhnya mengenai semua risiko yang dikenal pasti.

9.2 Pengurusan kanan hendaklah mempertimbangkan hasil dapatan DPIA dan memberi input berkenaan operasi pemprosesan. Input tersebut mungkin melibatkan:

(a) menerima baki tahap risiko keseluruhan yang timbul daripada operasi pemprosesan;

(b) memutuskan sebarang langkah mitigasi tambahan bagi menguruskan risiko tersebut; dan

(c) memperuntukkan sumber yang sewajarnya bagi melaksanakan langkah-langkah mitigasi risiko.

10. Pelaksanaan Langkah Mitigasi Risiko

10.1 Setelah keputusan dibuat untuk meneruskan operasi pemprosesan, langkah-langkah mitigasi risiko yang dikenal pasti hendaklah dilaksanakan dengan sewajarnya bagi menangani dan mengurus risiko spesifik yang dikenal pasti dalam DPIA.

10.2 Ketua Pelaksana DPIA merupakan kakitangan utama yang bertanggungjawab untuk menyelia pelaksanaan langkah-langkah mitigasi risiko. DPO hendaklah memberikan sokongan dan nasihat mengenai pelaksanaan tersebut selaras dengan dasar perlindungan data organisasi, amalan terbaik industri dan Akta 709. Walau bagaimanapun, tanggungjawab mutlak untuk melaksanakan langkah-langkah mitigasi risiko tersebut terletak pada pengurusan kanan pengawal data.

11. Penerbitan, Kesahan dan Pemantauan

11.1 Bagi menggalakkan ketelusan dan kebertanggungjawaban, pengawal data boleh mempertimbangkan untuk menerbitkan DPIA bagi meningkatkan kepercayaan terhadap aktiviti pemprosesan data peribadinya. Bagi melindungi maklumat sensitif komersial atau mengurus risiko keselamatan yang lain (termasuk yang melibatkan data peribadi), DPIA yang diterbitkan boleh disunting. Sebagai alternatif, ringkasan DPIA boleh diterbitkan.

11.2 DPIA yang siap adalah **sah bagi tempoh dua (2) tahun** dari tarikh penyiapan. Setelah **tamat tempoh** tersebut, **DPIA baharu** hendaklah dilaksanakan.

11.3 Dalam apa jua keadaan, DPIA bukanlah suatu aktiviti sekali sahaja tetapi memerlukan pemantauan berterusan dan semakan berkala. Walau apa pun tempoh sah laku tersebut dan sepanjang tempoh operasi pemprosesan, Ketua Pelaksana DPIA hendaklah memantau sebarang perkembangan yang boleh menjejaskan operasi pemprosesan, risiko yang dikenal

pasti dan langkah-langkah mitigasi risiko yang diguna pakai (contoh: perubahan pada tujuan pemprosesan atau kerentanan baharu yang dikenal pasti dalam teknologi yang digunakan). Ketua Pelaksana DPIA hendaklah menangani perkembangan tersebut dengan sewajarnya bagi memastikan perlindungan berterusan terhadap subjek data.

12. Penyimpanan Rekod

12.1 Dalam apa jua keadaan, DPIA yang dilaksanakan serta semua dokumentasi yang berkaitan hendaklah diselenggara dengan sewajarnya untuk tempoh sekurang-kurangnya dua (2) tahun dari penamatan operasi pemprosesan. Sebagai contoh, jika operasi pemprosesan berlangsung selama lima (5) tahun, DPIA dan rekod yang berkaitan hendaklah disimpan untuk dua (2) tahun selepas operasi tersebut dihentikan. Oleh yang demikian, tempoh penyimpanan rekod secara keseluruhannya adalah sekurang-kurangnya tujuh (7) tahun.

12.2 Rekod tersebut hendaklah dikemukakan untuk pemeriksaan atas permintaan Pesuruhjaya.

LAMPIRAN A: TEMPLAT DPIA

Bil.	Soalan	Respons	Nota Panduan
<u>Pra-DPIA</u>: Menentukan sama ada DPIA diperlukan			
Pemprosesan Dirancang			
1.	Apakah maksud dan operasi pemprosesan data peribadi yang dirancang?	*Sila berikan penjelasan ringkas* ("**Pemprosesan Dirancang**")	<u>Contoh respons</u>: *Melantik penyedia perkhidmatan sumber manusia, Z, untuk menganalisis maklum balas tinjauan pelanggan dan menyimpan data peribadi mereka di Singapura.*
Penentu			
2.	Adakah **Pemprosesan Dirancang** tersebut melibatkan data peribadi yang dijangka melebihi 20,000 subjek data?	☐ Ya ☐ Tidak Penjelasan: *Sila berikan*	Sila tandakan kotak pilihan yang berkenaan bagi setiap soalan. <u>Contoh respons bagi penjelasan</u>: i. Pemprosesan Dirancang melibatkan pemprosesan data peribadi melebihi 20,000 subjek data; atau ii. Pemprosesan Dirancang melibatkan pemprosesan data peribadi sensitif termasuk maklumat kewangan, yang melebihi 10,000 subjek data.
3.	Adakah **Pemprosesan Dirancang** tersebut melibatkan data peribadi sensitif termasuk maklumat kewangan yang dijangka melebihi 10,000 subjek data?	☐ Ya ☐ Tidak Penjelasan: *Sila berikan*	

Bil.	Soalan	Respons	Nota Panduan
4.	Adakah Pemprosesan Dirancang melibatkan mana-mana **Faktor Kualitatif** yang berkemungkinan mengakibatkan risiko yang tinggi terhadap perlindungan data peribadi subjek data sehingga pada pertimbangan DPO, **DPIA hendaklah dilaksanakan untuk penilaian lanjut terhadap risiko-risiko tersebut?**	☐ Potensi kesan undang-undang atau kesan signifikan terhadap subjek data ☐ Pemantauan sistematik terhadap subjek data ☐ Penggunaan teknologi inovatif ☐ Penafian atau sekatan terhadap hak subjek data ☐ Penjejakan lokasi atau tingkah laku subjek data ☐ Penyasaran terhadap kanak-kanak atau individu rentan ☐ Pembuatan keputusan secara automatik dan pemprofilan yang menimbulkan risiko yang tinggi terhadap subjek data ☐ Faktor lain yang memerlukan pelaksanaan DPIA: *Sila huraikan* ☐ Tidak berkenaan.	Sila tandakan semua kotak pilihan yang berkenaan. <u>Contoh</u>: (i) Potensi kesan undang-undang atau kesan signifikan terhadap subjek data *(contoh: impak yang ketara terhadap status atau hak undang-undang, status kewangan, kesihatan, reputasi, akses kepada perkhidmatan atau peluang ekonomi atau sosial subjek data);* (ii) Pemantauan sistematik terhadap subjek data *(contoh: pemantauan sistematik terhadap individu dalam tetapan komersial);* (iii) Penggunaan teknologi inovatif *(contoh: proses perniagaan yang ditambah baik secara signifikan melalui teknologi inovatif*); (iv) Penafian atau sekatan terhadap hak subjek data *(contoh: sekatan sistematik terhadap hak untuk mengakses);* (v) Penjejakan lokasi atau tingkah laku subjek data *(contoh: analitik laluan-klik (click-path analytics) dalam talian);* (vi) Penyasaran terhadap kanak-kanak atau individu-rentan *(contoh: memproses data peribadi kanak-kanak*

Bil.	Soalan	Respons	Nota Panduan
			bagi tujuan menawarkan perkhidmatan kepada mereka); (vii) Pembuatan keputusan secara automatik dan pemprofilan yang menimbulkan risiko yang tinggi terhadap subjek data; (viii) Mana-mana faktor lain yang memerlukan pelaksanaan DPIA *(contoh: risiko kecederaan fizikal sekiranya berlaku pelanggaran data).*
Hasil Dapatan			
5.	Adakah **Pemprosesan Dirancang** memerlukan DPIA?	☐ Ya ☐ Tidak	Sila tandakan "Tidak", jika: (i) soalan 2 dan 3 dijawab "Tidak"; **DAN** (ii) soalan 4 dijawab "Tidak berkenaan". Jika tidak, sila tandakan "Ya" dan teruskan untuk menjawab soalan-soalan di bawah.
DPIA: Melaksanakan lima (5) langkah di bawah DEICA			
D – Perihalan Pemprosesan Dirancang			
6.	Apakah **sifat Pemprosesan Dirancang**?	*Sila terangkan*	Ilustrasi dan contoh: Penerangan hendaklah merangkumi apa yang dirancang untuk dilakukan terhadap data peribadi: (i) Bagaimana data akan dikumpul;

Bil.	Soalan	Respons	Nota Panduan
